

# UPMKB terima sumbangan pelajar

**BINTULU:** Pejabat Pengurusan Pelajar, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) menerima sumbangan daripada pelajar menerusi program The Baksis Day bagi membantu rakan-rakan yang memerlukan. Timbalan Pengarah Program, Lau Rachel dalam satu kenyataan berkata, sumbangan itu diperolehi daripada hasil jualan pelajar kursus Kokurikulum Berkredit QKK2101 Bakti Siswa membabitkan Kumpulan 1 dan 2

sepanjang program tersebut yang juga dikenali sebagai Putra Bakti@AnimEX 5.0.

"Kesemua ahli memainkan peranan dengan bersungguh-sungguh semasa program dilaksanakan agar dapat mencapai hasil seperti yang diharapkan," katanya.

Ujar kenyataan itu, sumbangan seumpama diharapkan dapat meningkatkan motivasi dan memberi galakan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk terus berjaya dalam akademik.

Baru-baru ini, sumbangan tersebut disampaikan kepada Ketua Pentadbir Pejabat, Pejabat Pengurusan Pelajar (PPL) Mohd Syukri Mohd Adnan sebelum diserahkan kepada Putra FoodBank UPMKB.

Difahamkan, Putra FoodBank merupakan satu kemudahan yang disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UPMKB sebagai langkah membantu pelajar yang kurang berkemampuan bagi mendapatkan bantuan makanan dan ke-

perluan asas secara percuma yang dibuka pada setiap hari (waktu pejabat).

Bagi individu atau agensi yang berminat untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan, Jawatankuasa Putra FoodBank, Pejabat Pengurusan Pelajar, UPMKB amat mengalu-alukan sumbangan berbentuk kewangan atau barangan keperluan asas seperti makanan, minuman dan keperluan diri yang lain untuk disumbangkan kepada Putra FoodBank.